



Graduan dinasihatkan tidak terpengaruh anasir tidak elok

Oleh **Essa Abu Yamin** - Disember 3, 2022 @ 4:28pm
bhnews@bh.com.my



Tunku Ismail Sultan Ibrahim dimasyhurkan sebagai Canselor UTHM pada Istiadat Pemasyhuran Canselor, Pro-Canselor & Konvokesyen Ke-22 universiti berkenaan di Dewan Sultanah Ibrahim UTHM, hari ini. - Foto Ihsan UTHM

BATU PAHAT: Golongan muda berpendidikan terutamanya graduan Universiti Tun Hussien Onn Malaysia (UTHM) dinasihatkan, tidak terpengaruh dengan budaya dan anasir tidak elok.

Canselor UTHM, Tunku Mahkota Johor Tunku Ismail Sultan Iskandar, bertitah perkara berkenaan perlu ditepis dengan pegangan agama yang kukuh, sekali gus menjadi pelapis dan membawa negara kepada satu tahap lebih maju.

"Graduan perlu persiapkan diri dengan ilmu pengetahuan supaya bersedia dan berupaya mempertahankan kemakmuran serta kesejahteraan negara.

"Pegangan agama yang kukuh dan sahsiah terpuji graduan ini akan mampu menyumbang bakti kepada keluarga, bangsa serta negara. Jadilah graduan berkualiti, berdaya saing serta menjaga nama baik universiti," titah baginda pada sidang pertama, Istiadat Konvokesyen ke-22 UTHM, di Dewan Sultan Ibrahim, di sini, hari ini.

Titah Tunku Ismail, perpaduan dan muafakat adalah nadi penting dalam Bangsa Johor, di mana kepelbagaian agama, budaya dan adat resam sesuatu kaum haruslah dihormati dan dipelihara.

"Atas permuafakatan dan semangat Bangsa Johor ini banyak meningkatkan kepesatan ekonomi dan hasilnya jelas dapat dilihat sebagaimana negeri Johor berada sekarang.

"Oleh itu, teras bersatu dan sepakat perlu perlu sentiasa diterap dan dikukuhkan dalam apa juu bidang tidak kira sama ada dalam sukan, politik, ekonomi mahupun pendidikan," titah Tunku Ismail.

Baginda turut menzahirkan ucapan selamat maju jaya dan mendoakan agar UTHM terus menjadi universiti yang terus relevan dan dinamik melahirkan graduan ke arah pemikiran kelas pertama, setelah 30 tahun penubuhannya dengan memperoleh beberapa pengiktirafan di peringkat global.

Terdahulu, baginda dimasyhurkan sebagai Canselor UTHM dan adinda baginda, Tunku Temenggung Johor, Tunku Idris Iskandar Sultan Ibrahim pula dimasyhurkan sebagai Pro-Canselor universiti berkenaan.

Seramai 4,484 graduan layak menerima sijil masing-masing merangkumi pelbagai peringkat pengajian iaitu ijazah doktor falsafah, sarjana, sarjana muda dan diploma bermula 3 hingga 8 Disember ini.